

30 OCT 1998

Brunei-Malaysia

BRUNEI MINAT UNTUK BANTU M'SIA ATASI MASALAH KEWANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Okt (Bernama) -- Brunei yang telah melabur dengan banyaknya di seluruh dunia sekarang mahu memberi tumpuan yang lebih kepada negara-negara Asean dan sedang mengkaji untuk membuat pelaburan baru di Malaysia.

"Malaysia adalah salah sebuah negara yang memang menarik minat kita," kata Menteri Industri dan Sumber Utama Brunei Pehin Dato Haji Abdul Rahman Mohd Taib hari ini.

Katanya badan-badan pelaburan Brunei, termasuk Agensi Pelaburan Brunei (BIA) sedang mencari peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

Bercakap kepada para wartawan Malaysia di sini, Abdul Rahman berkata langkah untuk melabur di Malaysia dan jiran-jiran yang lain adalah sebahagian daripada komitmen Brunei untuk membantu rakan-rakannya dalam Asean mengatasi masalah kewangan dan kegawatan ekonomi mereka,

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau Asean mengandungi Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Abdul Rahman membuat kenyataan itu beberapa jam selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang selepas mengadakan lawatan kerja dua hari ke Brunei di mana beliau mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanal Bolkiah.

Semalam, Dr Mahathir memberitahu satu sidang berita selepas perbincangannya dengan Sultan Hassanal bahawa Brunei berminat untuk membuat pelaburan yang lebih di Malaysia dan terdapat kemungkinan negara kaya minyak itu melabur dalam syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam bidang hartanah dan perhotelan, antara lain.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata Malaysia mungkin akan menyaksikan perkembangan positif dari segi pelaburan Brunei yang lebih banyak walaupun rantau ini sedang dilanda krisis kewangan dan ekonomi.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Brunei bagi lapan bulan pertama tahun ini ialah hampir RM600 juta.

Ketika ditanya mengapa Brunei mengubah fokus pelaburannya kepada rantau ini, Abdul Rahman berkata ia adalah kerana Brunei ingin menumpukan perhatiannya kepada negara-negara yang terdekatnya sebelum menjelajah ke negara-negara lain.

"Adalah sangat munasabah jika Brunei memberi tumpuan lebih kepada negara-negara yang terdekat dahulu," kata beliau.

Beliau berkata Brunei dan Malaysia harus memberikan penekanan bukan sahaja kepada pelaburan tetapi juga pemindahan teknologi antara kedua-dua negara.

Ketika ditanya dalam bidang apakah Brunei ingin melihat pemindahan teknologi, Abdul Rahman berkata negaranya kini ingin menggalakkan sektor swasta untuk mengaktifkan ekonomi Brunei kerana selama ini sektor itu berkisar kepada aktiviti kerajaan sahaja.

"Kita harap untuk memberi kesempatan kepada sektor swasta menceburi bidang ekonomi dengan lebih aktif lagi termasuk dalam bidang pemindahan teknologi," kata beliau.

Beliau berkata sektor swasta digalakkan mendapatkan peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan negara-negara Asean.

Bagi pihak kerajaan Brunei, Abdul Rahman berkata ia telah mengusahakan bantuan terhadap negara-negara Asean yang terjejas dengan krisis kewangan seperti menyumbang kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Kami merupakan sebuah negara kecil dengan sumber yang kecil...Saya berharap sumbangan kami ada kesannya," katanya

Mengenai peningkatan dalam pelaburan Malaysia di Brunei, Abdul Rahman berkata memang diakui Malaysia merupakan sebuah daripada negara yang mempunyai pelaburan yang banyak di luar sektor minyak dan gas negara itu.

"Jadi kita harapkan suasana ini akan berterusan," kata beliau.

-- BERNAMA

ES WAT RON